

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN
SULAIMAN [SIK]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan mengenai dasar penahanan orang Rohingya atau pelarian lain serta pemohon suaka yang ditahan di depoh imigresen untuk tempoh yang tidak ditentukan, memandangkan mereka tidak boleh dihantar pulang berdasarkan prinsip '*non-refoulement*'.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Walaubagaimanapun, kerjasama yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada pihak UNHCR bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif kepada pemegang kad UNHCR telah melebihi obligasinya sebagai bukan negara anggota.

2. Berdasarkan kepada prinsip *non-refoulement* yang digunapakai di peringkat antarabangsa dan pengecualian yang diberikan kepada warga asing yang mempunyai perlindungan antarabangsa oleh pihak UNHCR, golongan ini tidak diusir dan dibenarkan untuk berada secara sementara di dalam negara kecuali jika didapati individu pelarian tersebut

memberikan ancaman kepada keselamatan negara atau terlibat dengan jenayah di negara asal.

3. Walaubagaimanapun, kehadiran pelarian ini semakin meningkat jika dibandingkan sebelum ini. Kerajaan menghadapi pelbagai isu yang berkaitan dengan sosial, ketenteraman awam, ekonomi, politik dan keselamatan negara yang timbul dari isu-isu pelarian ini. Dalam masa yang sama, kerajaan juga perlu melaksanakan tanggungjawabnya dalam memastikan kesejahteraan dan keamanan negara bagi rakyatnya. Perkara ini perlu diimbangi agar kehadiran pelarian ini tidak menjadi bebanan kepada negara dan rakyat untuk jangka masa panjang.

4. Malaysia akan terus menyeru supaya Negara-Negara Ahli kepada Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 dapat melaksanakan hak dan tanggungjawab memberikan perlindungan kepada pelarian tanpa mengira asal usul, etnik, agama dan sebagainya. Sekiranya semua ahli dewan negara dapat memainkan hak dan tanggungjawabnya, isu pelarian ini akan dapat ditangani bersama. Penyelesaian kepada isu pelarian ini perlu ditumpukan kepada punca berlakunya krisis pelarian tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] meminta **MENTERI KESIHATAN** status laporan siasatan kebakaran yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah pada tahun 2016 dan apakah tindakan lanjut yang telah diambil berdasarkan laporan tersebut bagi mengelakkan kejadian yang sama daripada berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Oktober 2019 telah bersetuju supaya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan Laporan Jawatankuasa Siasatan Bebas Insiden Kebakaran di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru yang berlaku pada 25 Oktober 2016 untuk dimaklumkan kepada umum.
2. Susulan itu, KKM pada 15 Oktober 2019 telah mengelaskan semula laporan tersebut kepada taraf TERBUKA sebagai persediaan bagi memaklumkan hasil laporan tersebut kepada umum.
3. Walau bagaimanapun, pada bulan Disember 2019, salah seorang waris mangsa kebakaran tersebut telah memfailkan saman tuntutan kepada Kerajaan.
4. Sehubungan itu, cadangan pendedahan Laporan Jawatankuasa Siasatan Bebas Insiden Kebakaran di HSA, Johor Bahru kepada umum telah

SOALAN NO. 46

ditanggihkan, mengambil kira risiko *sub judice* dan kemungkinan diambil tindakan kerana menghina mahkamah akibat mengulas berkenaan perkara, kes atau isu yang sedang dibicarakan di mahkamah.

5. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan bangunan Kerajaan termasuk hospital adalah bangunan lama yang dibina sebelum akta tertentu diwujudkan seperti Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan *Uniform Building By-Laws 1984*. Berdasarkan penemuan audit keselamatan kebakaran yang dilaksanakan pada 2016 sebanyak 46 buah hospital/institusi telah melebihi usia 50 tahun dan 32 buah lagi berusia 30 hingga 49 tahun. Manakala keadaan aset hospital yang berusia lebih 10 tahun telah melebihi 50%. Ini menunjukkan fasiliti kesihatan mempunyai bangunan dan aset lama serta berisiko tinggi kebakaran. Justeru, pelaksanaan *Fire Safety Audit (FSA)* secara tahunan adalah menjadi *Key Performance Indicator (KPI)* KKM dalam mengurangkan risiko – risiko kejadian kebakaran.

6. Lanjutan kes kebakaran yang telah berlaku di Hospital Sultanah Aminah, pihak Kementerian telah mengambil penambahbaikan serta merta antaranya:

- a) melaksanakan audit keselamatan kebakaran bersama Jabatan Bomba;
- b) melaksanakan lebih kerap pemeriksaan bangunan, pengujian sistem pemasangan elektrik dan sistem pencegahan kebakaran;
- c) KKM usahakan lantikan Pegawai BOMBA ditempatkan di hospital;
- d) meneruskan pelaksanaan proaktif aktiviti latihan kebakaran (*fire drill*) termasuk latihan kepenggunaan alat pencegahan kebakaran secara tahunan bersama pihak BOMBA;
- e) menjalankan kempen kesedaran secara berterusan bagi meningkatkan komitmen kakitangan terhadap keselamatan kebakaran; dan

SOALAN NO. 46

- f) merancang dan melaksanakan pembaikan dan naiktaraf sistem – sistem kejuruteraan yang uzur bagi mengurangkan risiko kebakaran.
7. Tindakan jangka pendek yang telah dan sedang KKM laksanakan adalah:
- a) peruntukan melalui RMK-11 - *Rolling Plan 3* (RP3) sebanyak RM114.5 juta khas untuk HSA telah diluluskan bagi melaksanakan kerja-kerja penggantian dan naiktaraf sistem pendawaian dan pencegahan kebakaran berdasarkan Bengkel Pengurusan Nilai (*Value Management*) di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR); dan
 - b) kerja – kerja pembaikan di fasiliti kesihatan dilaksanakan mengikut peruntukan sedia ada. Manakala bagi jangka masa panjang, KKM telah menyediakan permohonan peruntukan khas di bawah RMK-12 untuk kelulusan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 46